

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 16 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1521-MQT2094  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada KPM akan melakukan teknikal audit ke atas Sistem Pengurusan IDentiti (idMe), Sistem Bersepadu KPM (MOEIS) yang sering mengalami gangguan teknikal sehingga menyukarkan tugas puluhan ribu guru-guru. Nyatakan perbelanjaan pembangunan sistem ini dan apakah tindakan akan diambil oleh KPM terhadap syarikat vendor yang gagal.
  
2. PR-1521-MQT2096  
**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian ada membuat ketetapan melarang pesakit menggunakan khidmat klinik kesihatan yang lebih dekat dengan rumah mereka selepas persempadanan semula kawasan pilihan raya.
  
3. PR-1521-MQT2105  
**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan tentang hasrat Kementerian untuk meminda peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) untuk memastikan ia tidak disalahgunakan.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI KHAMIS, 16 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 21**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1521-L18339  
**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu lebih banyak syarikat *startup* agar mereka dapat berjaya dan wujudkan ‘*unicorn-unicorn*’ yang kami boleh banggakan di Malaysia.
  
2. PR-1521-L19342  
**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kebolehoperasian radar-radar TUDM di sepanjang kawasan Laut China Selatan bagi tujuan pemantauan maritim.
  
3. PR-1521-L18325  
**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan kekerapan pemantaun kualiti capaian perkhidmatan panggilan dan internet di Sabah serta penambahbaikan yang dibuat dan nyatakan jumlah kompaun yang dikenakan kepada syarikat telco yang gagal menyediakan standard kualiti yang telah ditetapkan bagi tempoh 5 tahun ini.
  
4. PR-1521-L18113  
**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan inisiatif Kerajaan untuk memperkasakan *Environment, Social and Government* (ESG) di Malaysia.

## 5. PR-1521-L19296

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada skop bantuan guaman melalui Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) akan diperluaskan kepada kes-kes tuntutan sivil di mahkamah serta kes-kes Mahkamah Perusahaan bagi membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia mendapat akses kepada peguam.

## 6. PR-1521-L19259

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah strategi Kerajaan Malaysia Madani dalam memastikan kesinambungan usaha mendigitalisasikan PKS Malaysia secara langsung yang lebih efisyen berbanding ketika ini dilihat lebih berfokus kepada pemberian geran melibatkan pemain industri multinasional seperti Maxis, Digi dan lain-lain dengan menyediakan platform dan latihan automasi PKS.

## 7. PR-1521-L18499

**Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [ Jempol ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan pihak Kerajaan bagi menaikkan elau imam masjid yang kini hanya menerima bayaran RM850 sebulan daripada JAKIM yang jelas di bawah paras gaji minima dengan mengambil kira kos sara hidup yang makin meningkat.

## 8. PR-1521-L19136

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah peranan dan pencapaian terkini Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang ditubuhkan semasa pemerintahan Kerajaan lepas kerana kos sara hidup masih lagi tinggi dan dilihat semakin menekan rakyat di Malaysia.

## 9. PR-1521-L18598

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kesudian Kementerian untuk memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan menggantikannya dengan Akta Pendidikan Tinggi Baharu berdasarkan kertas polisi Jawatankuasa Teknikal Mansuh AUKU yang ditubuhkan pada tahun 2018 berserta garis masa dan pelan kerja pemansuhan AUKU.

## 10. PR-1521-L18811

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kerugian yang ditanggung kesan banjir di seluruh negara sejak sepuluh tahun lalu.

11. PR-1521-L18650

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah yang akan dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan program bantuan Bakul Rahmah tidak bertindan dengan program bantuan yang disediakan oleh Jabatan Kerajaan yang lain dan perancangan Kementerian untuk melaksanakan program tersebut di Sabah dan Sarawak.

12. PR-1521-L19353

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status cadangan bagi menggantikan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi mengatasi isu perpaduan dan jati diri sebagaimana yang pernah diumumkan akan perihal pentingnya keperluan program berkenaan.

13. PR-1521-L18429

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan :

- (a) bagaimana Kementerian akan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan untuk menentukan maksud ‘ucapan benci’ di Malaysia; dan
- (b) rangka kerja komprehensif yang telah Kementerian sediakan untuk menghapuskan ucapan benci dalam talian.

14. PR-1521-L19333

**Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [ Rompin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan tahap pengetahuan terutama pengetahuan dalam bidang akademik kepada pekerja-pekerja industri dalam usaha meningkatkan bilangan ‘Knowledge Worker’ dalam industri di negara kita.

15. PR-1521-L18807

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk merealisasikan Akta Pendanaan Politik bagi menjamin landskap demokrasi negara yang lebih telus dan bersih dan apakah langkah-langkah proaktif yang telah diambil untuk menjamin penguatan akta ini supaya tiada lagi tafsiran yang kabur antara sedekah dan rasuah.

16. PR-1521-L19215

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan langkah dan strategi Kementerian dalam mencapai kesamarataan kadar penembusan terutama untuk negeri Perlis.

17. PR-1521-L18605

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana cara paling tuntas bagi Kementerian menaikkan pendapatan negara untuk mengimbangi kos sara hidup yang tinggi kerana kos sara hidup meningkat bukan sahaja tergantung pada kadar inflasi malahan ia boleh disebabkan oleh kekurangan tenaga mahir dalam sektor ekonomi.

18. PR-1521-L18693

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah ada usaha atau mekanisme untuk memberikan subsidi khas bersasar minyak masak bagi kegunaan perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil pinggir jalan yang mana majoritinya berada dalam golongan B40.

19. PR-1521-L18766

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dapatan secara terperinci hasil daripada langkah meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui program *reskilling* dan *upskilling*, program intervensi serta program latihan industri berstruktur oleh Kementerian.

20. PR-1521-L18753

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan masa bagi pembentangan pindaan terhadap Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

21. PR-1521-L17950

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memansuhkan Akta Pembangunan Petroleum 1974 (PDA74) supaya hak milik minyak dan gas dikembalikan kepada negeri-negeri pengeluar minyak iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu atau rancangan memberi saham-saham Petronas kepada negeri-negeri pengeluar minyak tersebut.

22. PR-1521-L18928

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status My-SPC bagi memastikan kebajikan rakyat yang terbawah dan memerlukan mendapat bantuan yang sewajarnya dan bantuan kebajikan yang diberikan adalah lebih sistematik dan bersasar.

23. PR-1521-L18179

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan dengan terperinci bantuan dan aplikasi bantuan daripada Geely dalam penghasilan kereta Proton Saga, Persona, Iriz, dan Exora dari segi enjin, elemen keselamatan, kawalan dan peningkatan kualiti, hiasan dalaman, keselesaan, penjimatan minyak dan aplikasi elektronik.

24. PR-1521-L18934

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan komitmen Kementerian untuk memastikan liputan jalur lebar yang menyeluruh dan stabil di kawasan-kawasan penting terutamanya di fasiliti perubatan dan kesihatan serta fasiliti Kerajaan yang lain.

25. PR-1521-L18673

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini PT Eagle High Plantation Tbk.

26. PR-1521-L19077

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha dan langkah bagi memartabatkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam semua urusan terutama di syarikat-syarikat kewangan yang masih menggunakan Bahasa Inggeris dalam urusan-urusan perjanjian dengan pelanggan.

27. PR-1521-L17992

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan reformasi struktur dan transformasi ekonomi yang diperlukan untuk Malaysia mencapai status berpendapatan tinggi dan ke tahap kemajuan apakah usaha yang berkesan telah diambil untuk memastikan kejayaan pelaksanaan reformasi dan transformasi tersebut.

28. PR-1521-L18882

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu para usahawan muda di Negeri Kelantan dalam meningkatkan kemahiran perniagaan mereka.

29. PR-1521-L18592

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah terdapat sebarang semakan atau penstrukturran semula projek-projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini dan jika ada, apakah asas penilaian yang digunakan.

30. PR-1521-L19125

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menangani isu penipuan penjualan dalam talian dan apakah perkembangan terkini usaha untuk mewujudkan lesen khas perniagaan dalam talian.

31. PR-1521-L19162

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [ Kuala Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang laporan terkini terkait siasatan pemindahan atau jualan saham Telekom Malaysia Berhad (TM) dari Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd. kepada sebuah syarikat Oktober lalu.

32. PR-1521-L19169

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bahawa Astro telah mengaut keuntungan bersih sebanyak RM460.87 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Januari 2022. Adakah Kementerian bercadang untuk mengawal dan mengurangkan bayaran yang terlalu tinggi yang dikenakan kepada pengguna.

33. PR-1521-L18246

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjung Manis ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan untuk mengadakan semula Program Jualan Murah barang keperluan asas pada setiap minggu di kawasan luar bandar. Program seperti ini memberi kesan yang sangat positif kepada penduduk luar bandar yang terkesan akibat kenaikan harga barang.

34. PR-1521-L18947

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk meningkatkan capaian internet bertaraf 5G di kawasan luar bandar dan universiti.

35. PR-1521-L18508

**Dato Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan dan projek yang akan dilaksanakan di bawah BIMP-EAGA di Sarawak.

36. PR-1521-L19273

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah kebenaran terhadap ura-ura dan dakwaan bahawa Kerajaan mempunyai perancangan untuk menukar Peguam Negara, Ketua Hakim Negara, Ketua Polis Negara, dan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang sedia ada.

37. PR-1521-L18263

**Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani [ Titiwangsa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status projek pembangunan semula Flat Pekeliling Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mana penduduknya telah dipindahkan pada 2008 dan adakah pihak Kerajaan sudah memulangkan semula pemilikan 202 unit Flat Pekeliling kepada pemilik asal.

38. PR-1521-L18163

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) berapa data keluarga yang jatuh dari T20 ke M40, M40 ke B40 dan B40 ke B60 ; dan
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan campuran dalam menangani isu ini khususnya dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat.

39. PR-1521-L18166

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) sama ada kadar kemiskinan atau jumlah isi rumah B40 di kalangan kaum India telah dikurangkan atau tidak sedangkan Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM815 juta untuk pembangunan ekonomi kaum India melalui SEDIC/MITRA atau SPUMI; dan

- (b) adakah Kerajaan telah menjalani kajian impak untuk memastikan peruntukan ini membawa impak yang tinggi.
40. PR-1521-L19365  
**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memerangi rasuah dan mewujudkan pentadbiran badan eksekutif yang beramanah dan bersih.
41. PR-1521-L18825  
**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan kualiti capaian rangkaian internet di kawasan bandar dan luar bandar. Berapa peruntukan yang disediakan bagi tujuan ini bagi kawasan Parlimen Kinabatangan.
42. PR-1521-L17968  
**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah ke hadapan yang akan dilakukan oleh Kerajaan untuk mengimbangi pembangunan yang tidak seimbang di antara wilayah Semenanjung, Sabah dan Sarawak.
43. PR-1521-L18996  
**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina politeknik dan kolej komuniti di Kalabakan bagi memenuhi keperluan belia yang ingin mengikuti bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) agar sumber tenaga kerja yang memenuhi kehendak industri dapat dihasilkan seiring dengan perkembangan teknologi '*Internet of Things*' dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).
44. PR-1521-L18415  
**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan persediaan dan langkah Kementerian untuk menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik (EV) di seluruh negara dan menyatakan secara terperinci perancangan Kementerian bagi menggerakkan usaha negara sebagai neutral karbon seawal tahun 2050.
45. PR-1521-L18891  
**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan mewujudkan kembali pasukan National Task Force (NTF) yang telah bukti berjaya dalam melaksanakan Operasi Benteng sejak ditubuhkan pada Mei 2020.

46. PR-1521-L18025  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika Kerajaan mempunyai perancangan untuk mendapatkan kembali baki dana SRC berjumlah USD\$1.2 bilion yang telah dibekukan oleh pihak Kerajaan Switzerland. Jika "Ya", apakah langkah-langkah yang bakal diambil oleh Kementerian untuk mengembalikan dana tersebut. Jika tidak, mohon penjelasan mengapa tidak diteruskan.
47. PR-1521-L18370  
**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina sebuah bangunan persekutuan di Parlimen Mersing.
48. PR-1521-L18271  
**Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan terbaharu Kementerian untuk menubuhkan pusat membeli belah secara atas talian (*online shopping mall*) khas untuk golongan wanita.
49. PR-1521-L19205  
**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perancangan Kerajaan untuk mengekang pencatutan harga barang dalam rantaian perbekalan dari peringkat pengeluar hingga ke peringkat pengguna.
50. PR-1521-L18814  
**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peranan Kerajaan bagi memastikan pembinaan rumah untuk generasi kedua dan ketiga FELDA tidak terbengkalai dan diselesaikan segera.
51. PR-1521-L18958  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menunaikan hak Sabah menerima 40% daripada hasil bersih Persekutuan dari Sabah seperti yang termaktub dalam Perkara 112C dan Bahagian 1V Seksyen 2 (1) Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan.
52. PR-1521-L19478  
**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan tindakan Kementerian dalam kelajuan akses internet 5G dengan DNB - Ericsson.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

\* Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023.

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

\* Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2023 (D.R.2/2023) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2023 seperti berikut :**

“Bahawa Dewan ini, menurut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh sembilan bilion ringgit (RM99,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2023, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 2022 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 adalah dibatalkan dan hendaklah disahkan.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 15 Mac 2023 )**

- |  |   |                                   |
|--|---|-----------------------------------|
| 2. ( D.R 4/2023 )                              | Rang Undang-Undang Kewangan 2023                                | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
| <b>[ Menteri Kewangan ]</b>                    |   |                                   |
| 3. ( D.R 3/2023 )                              | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023 | “                                 |
| <b>[ Menteri Kewangan ]</b>                    |   |                                   |
| 4. ( D.R 1/2023 )                              | Rang Undang-Undang Pencetakan Teks Al-Qur'an (Pindaan) 2023.    | “                                 |
| <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>                |   |                                   |
| <b>5. Menteri Kewangan</b> akan mencadangkan : |   |                                   |

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan perenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan Malaysia melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan) membuat pelaburan dengan menukar baki pinjaman Kerajaan Malaysia sebanyak RM165,282,814.00 kepada UDA Holding Berhad (UDA), sebuah syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuti (modal saham) bersamaan Seratus Enam Puluh Lima Juta Dua Ratus Lapan Puluh Dua Ribu Lapan Ratus Empat Belas (165,282,814) unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham.”

6. PR-1521-U(27)231

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia - Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia - Thailand adalah sepanjang kira-kira 656 km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakkan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

7. PR-1521-U(27)232

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

8. PR-1521-U(27)233

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

#### **[ Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan ]**

9. PR-1521-U(27)234

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

#### **[ Menteri Ekonomi ]**

10. PR-1521-U(27)235

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendarangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

11. PR-1521-U(27)236

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. "

**[ Perdana Menteri ]**

12. PR-1521-U(27)237

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

13. PR-1521-U(27)238

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme*. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan *pro-LGBT* dan *pro-liberalisme* di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

14. PR-1521-U(27)239

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

15. PR-1521-U(27)240

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

16. PR-1521-U(27)241

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

**[ Perdana Menteri ]**

17. PR-1521-U(27)242

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi Bajet 2023. Dalam ucapan Bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepat saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

18. PR-1521-U(27)243

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

19. PR-1521-U(27)244

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

20. PR-1521-U(27)245

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sehingga 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

### [ Menteri Dalam Negeri ]

21. PR-1521-U(27)225

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) 2009, seiring dengan cadangan serta titah Majlis Raja – Raja Melayu, demi memastikan pelantikan lima daripada sembilan ahli JAC tidak lagi dilakukan oleh Perdana Menteri. Bergerak ke hadapan, adalah wajar untuk Kerajaan Perpaduan meminda Akta JAC 2009 dan Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan bagi menghentikan campur tangan eksekutif yang hanya mengikut selera politik semata-mata dalam isu pelantikan hakim, sekali gus dapat mewujudkan kebebasan sistem kehakiman serta menjunjung keluhuran perlombagaan dan kedaulatan undang-undang di dalam Malaysia sepertimana yang terkandung dalam Rukun Negara.

Sebelum ini, negara telah dikejutkan dengan pendedahan oleh mantan Tan Sri Peguam Negara di dalam buku tulisannya yang berjudul, "My Story: Justice in Wilderness", yang nyata bertentangan dengan laungan Kedaulatan Undang-undang atau "Rule of Law", oleh Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-7. Berdasarkan penulisan beliau, terdapat pelbagai dakwaan mengenai isu pelantikan hakim, campur tangan didalam sistem kehakiman, pendakwaan politik, serta pelbagai pendedahan yang menerbitkan seribu satu persoalan. Pendedahan daripada mantan Tan Sri Peguam Negara tersebut amat membimbangkan, menimbulkan rasa syak wasangka dan persoalan terhadap sistem keadilan, dan juga kepincangan atas doktrin, dengan izin, "*separation of power*" atau pengasingan kuasa di dalam negara kita.

Justeru, saya menyambut baik kenyataan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) yang menyatakan bahawa, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk meneliti mengenai perkara tersebut. Namun, saya fikirkan Kerajaan tidak sepatutnya sekadar berhenti di situ sahaja. Sebaliknya perlu meminda JAC 2009 bagi merealisasikan hasrat murni Kerajaan terutamanya dalam urus tadbir yang baik atau '*good governance*'."

### [ Perdana Menteri ]

22. PR-1521-U(27)226

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Pindaan terhadap harga maksimum telur ayam yang berkuat kuasa pada 12 Oktober 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan menaikkan harga kawalan telur tempatan dari RM0.41 ke RM0.50 sebiji, iaitu pada paras harga yang sama dengan harga telur import dari India. Di samping itu, Kementerian juga boleh mewujudkan "elaun telur secara *top-up*" kepada golongan B40 dengan menampung selisih harga telur sebanyak RM0.09 (RM0.41 -RM0.50) sebiji. Langkah ini boleh meringankan bebanan kewangan keluarga B40 dan turut membantu penternak tempatan mengatasi masalah kos operasi yang meningkat, sekali gus mengatasi masalah kekurangan bekalan telur ayam. Seandainya elaun telur sebanyak RM200 setahun diberikan kepada golongan B40, banyak telur yang boleh dimakan oleh keluarga B40.

Kementerian seharusnya mengutamakan penternak tempatan semasa menangani masalah kekurangan bekalan telur ayam. Ramai penternak atau pengusaha ladang ayam telur terpaksa menampung kos operasi yang tinggi mengeluarkan telur. Kos untuk menghasilkan sebiji telur ayam di ladang kini mencecah RM0.45 sebiji, di mana sebahagian besarnya membabitkan penghasilan makanan ayam. Menurut Laporan Kajian Khas Kos Pengeluaran Ayam Dan Telur oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Disember 2022, purata kos pengeluaran di peringkat ladang bagi telur adalah RM0.48 sebiji pada September 2022. Penternak tempatan rugi kerana telur tempatan hanya boleh dijual dengan RM0.41 sebiji kerana ada kawalan harga, sedangkan kos menghasilkan sebiji telur telah pun melebihi paras harga tersebut. Kalau rugi, penternak tidak akan membela ayam untuk menghasilkan telur.

Malahan, telur import dari India dijual dengan RM0.50 sebiji, jika Kementerian memansuhkan kawalan harga, harga jualan telur tempatan juga lebih kurang sama iaitu kira-kira RM0.50 sebiji. Maka, cadangan untuk meminda harga kawalan telur tempatan ke RM0.50 sebiji bakal membantu rakyat dan penternak tempatan. Langkah tersebut boleh menjana ekonomi domestik dari sudut penyediaan peluang pekerjaan dan pembayaran cukai dari pihak penternak, kebersihan dan keselamatan telur ayam, kemudahan logistik, penyeliaan dan pembekalan berbanding dengan langkah mengimport telur dari India.

Justeru, Kementerian wajar mempertimbangkan cadangan pindaan kawalan harga telur supaya rakyat dan penternak tempatan tidak lagi terjejas dalam masalah kekurangan bekalan telur yang berpanjangan ini. Elaun telur kepada golongan B40 juga boleh memastikan rakyat terus berkemampuan menikmati makanan asas ini tanpa terjejas oleh kenaikan harga kawalan telur. Telur dan ayam adalah makanan asas rakyat tanpa mengira kaum atau agama, perkara ini harus dijadikan keutamaan."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

23. PR-1521-U(27)227

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi Kemelesetan Ekonomi Global pada 2023 seperti yang diramalkan oleh pelbagai institusi kewangan dalam dan luar negara.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bank Dunia; dalam menghadapi risiko, di mana bank-bank negara di seluruh dunia telah dan akan secara serentak menaikkan kadar faedah secara mendadak. Kesannya, seluruh dunia akan menghadapi krisis ekonomi dan bakal menuju kepada krisis kewangan yang semestinya akan memberikan impak negatif yang berpanjangan.

Pelbagai kajian dasar, pakej rangsangan dan langkah diplomatik perlu dibuat oleh Kerajaan untuk memastikan negara kita kalis krisis ini dan membolehkan rakyat hidup dalam kestabilan ekonomi yang optimum. Selain itu, krisis ekonomi secara global juga dijangka akan membawa kepada kemerosotan KDNK sebanyak 0.5 peratus pada 2023.

Pertumbuhan ekonomi mesti dipertingkatkan supaya negara kita boleh mencapai penkuhan nilai mata wang dan menarik lebih banyak pelaburan yang strategik di mana akan menyumbang kepada peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti, pengukuhan pasaran modal dan mengurangkan kemiskinan rakyat. "

#### **[ Menteri Ekonomi ]**

24. PR-1521-U(27)228

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat jemaah menteri bagi membuat kajian dan perancangan dalam membasmi kemiskinan golongan nelayan. Mengikut rekod lalu yang dibuat, bincian daripada SENDI-LKIM (2008-2017) mendapati bahawa para nelayan hanya memperoleh pendapatan melebihi RM1,200 sahaja. Meskipun Kerajaan sudah menyediakan peruntukan kepada nelayan melalui Elaun Sara Hidup Bantuan Nelayan dan Skim Subsidi Petrol, namun dengan peningkatan kos sara hidup dan keterbatasan akses kepada kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan telah menyukarkan dan membebankan para nelayan yang berada di kawasan luar bandar. Tahun 2022, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada LKIM sebagai modal pusingan pembelian ikan tempatan sebanyak 1,000 tan metrik yang akan ditempatkan di 130 bilik sejuk beku di seluruh negara untuk menghadapi musim tengkujuh. Permasalahan ini berlaku disebabkan penglibatan orang tengah yang menganiaya dan mengambil kesempatan atas usaha para nelayan dengan memberi alasan hasil yang berkurangan disebabkan

oleh cuaca buruk dan secara tidak langsung memberikan kesan negatif kepada rantaian sekuriti makanan negara. Penerangan yang jelas kepada sistem penyaluran bantuan Kerajaan juga harus ditambah baik terutamanya kepada golongan-golongan yang tidak mahir menggunakan kemudahan internet dan agensi berkaitan haruslah mencari nelayan yang masih belum berdaftar agar bantuan Kerajaan juga boleh dinikmati oleh mereka. Pokoknya, Kerajaan harus meneliti dan menggali dengan lebih mendalam tentang permasalahan yang dihadapi oleh para nelayan. Kita harus memperkasakan saluran bantuan Kerajaan agar tidak berlaku ketirisan dan aktiviti penyalahgunaan kuasa yang digunakan oleh pihak-pihak tertentu. "

### [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]

25. PR-1521-U(27)229

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah pelan tindakan khas untuk menghadapi dan mengatasi krisis utiliti terutamanya tenaga elektrik dan bekalan air bersih serta apakah jangkaan kesan kepada rakyat apabila inisiatif Kerajaan mengurangkan pemberian subsidi utiliti.

Krisis tenaga elektrik berpunca dari harga bahan api sangat tinggi yang menyebabkan peningkatan mendadak kos penjanaan elektrik dan pelarasan tarif elektrik melalui mekanisme ICPT. Berdasarkan kepada kos penjanaan yang sangat tinggi ini, semua pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia sepatutnya dikenakan surc妖 sebanyak 27 sen/kWj bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023 yang akan menyebabkan peningkatan kos sara hidup sekiranya dilepaskan kepada pengguna sepenuhnya. Sekiranya keseluruhan kos ICPT ditampung melalui subsidi, Kerajaan pula perlu menyediakan peruntukan yang sangat besar dan membebankan.

Krisis sumber air bersih diakibatkan oleh penebangan hutan secara berleluasa dan pembalakan yang tidak terkawal boleh memusnahkan "hutan awan" (*cloud forest*) yang akan mengakibatkan kehilangan sumber air yang berharga selain menyebabkan hakisan tanah dan menjelaskan kualiti sumber air. Pembuangan sampah dan sisa toksik industri juga menyumbang kepada pencemaran air sungai yang boleh menyebabkan masalah gangguan bekalan air tidak berjadual timbul dan menyukarkan rakyat dalam kehidupan seharian dan secara langsung menelan kos yang tinggi bagi meningkatkan tahap capaian bekalan air bersih, tambahan pula kerja-kerja penyelenggaraan dan penggantian peralatan secara berkala di loji rawatan air atau sistem agihan oleh operator bekalan air semestinya memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

Oleh hal demikian jaminan tenaga dan air perlu dirangka dengan langkah yang selamat oleh Kerajaan dalam mencapai penggunaan utiliti yang mampan serta efisyen dengan penggunaan kos yang rendah serta pengenaan caj tidak membebankan rakyat. Pengalaman krisis tenaga yang dilalui oleh masyarakat di Eropah perlu diambil sebagai panduan dan perkara yang perlu dirujuk dalam membuat sebarang pertimbangan pada masa kini dan hadapan."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

26. PR-1521-U(27)230

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah Institut Rukun Negara bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model literasi perpaduan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi kaum akan dilihat semakin serius jika perancangan, penekanan dan pemantauan ini tidak dilakukan segera daripada peringkat awal pembelajaran dan ia tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda. Kesannya terhadap potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 16.03.2023 (Khamis)	1. YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Klang)	1. Perhatian dan Penyelesaian Segera terhadap Isu Jalan Raya yang Berlubang dan Rosak di Daerah Klang	1. YB Menteri Kerja Raya
2. 16.03.2023 (Khamis)	2. YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Klang)	2. Perhatian dan Penyelesaian Serta-Merta terhadap Isu Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
3. 16.03.2023 (Khamis)	3. YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim (Arau)	3. Kawalan Perbatasan Sempadan Malaysia - Thailand	3. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
4. 16.03.2023 (Khamis)	4. YB Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim (Arau)	4. Kediaman Pertama untuk Rakyat Malaysia	4. YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**